## BAB 4 : ERA PERALIHAN KUASA BRITISH DI TANAH MELAYU

1 m/s94 Selepas kekalahan Jepun, British Military Administration (BMA) dihantar untuk mengembalikan keamanan
Bagaimanakah BMA melaksanakan tanggungjawabnya?

A Membubarkan MPAJA
B Memperkenalkan pilihanraya
C Berunding dengan Bintang Tiga
D Persediaan berkerajaan sendiri

2 m/s95 Mengapakah British Military Administration (BMA) berusaha memulihkan prasarana dan sosioekonomi penduduk tempatan

A Mengatasi masalah inflasi
B Melaksanakan tanggungjawab
C Menjamin masa depan
D Memulihkan kepercayaan rakyat

3 m/s95 Apakah iktibar yang diperoleh daripada kegagalan British Military Administration (BMA) memulihkan keadaan selepas perang

A Usaha mengelakkan kekacauan
B Kita menentukan masa depan sendiri
C BMA tidak ikhlas melaksankan tugas
D Kepentingan menanamkan semangat anti British

4 m/s96 Maklumat di bawa merupakan hasrat yang hendak dicapai oleh British di Tanah Melayu

- Melicinkan sistem pentadbiran
- Meningkatkan pelaburan ekonomi
- Mengiukuhkan pertahanan
- Mengekalkan sumber tenaga asing

Apakah usaha British untuk mencapai hasrat tersebut?

A BMA
B Jus Soli
C Malayan Union
D Kertas Putih 6274

5 m/s96 British mula melaksanakan perlembagaan Malayan Union pada 1 April 1946.
Apakah asas pentadbiran Malayan Union?

A Republik
B Kesatuan
C Demokrasi
D Persekutuan

LIVEWORKSHEETS

6 m/s97 Apakah fungsi raja Melayu dalam pentadbiran Malayan Union 1946?

A Ketua pentadbir
B Penasihat Gabenor
C Ketua Agama Islam
D Penggubal undang-undang

7 m/s97 Apakah perubahan utama yang dibawa hasil pelaksanaan Malayan Union terhadap negeri-negeri Melayu?

A Jumlah penduduk bertambah
B Jawatan sultan dilucutkan
C Ekonomi berkembang pesat
D Negeri-negeri Melayu berstatus tanah jajahan

8 m/s98 British melantik Sir Harold Mac Michael untuk mendapatkan tandatangan persetujuan raja-raja Melayu terhadap Malayan Union.
Mengapakah tindakan beliau menimbulkan bantahan daipada penduduk Tanah Melayu?

A Sir Harold Mac Michael tidak layak
B Mengetepikan nasihat sultan
C Mendesak dan memaksa raja
D Sir Harold Mac Michael tidak menghadap sultan

9 m/s107 Mengapakah Raja Charles Vyner Brooke mengambil keputusan untuk menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British pada tahun 1946?

I Masalah kewangan
II Masalah pewarisan takhta
III Permintaan penduduk
IV Pengagihan kekayaan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

10 m/s107 Pada 19 Jun 1944, Pejabat Tanah Jajahan British telah mendesak Vyner Brooke memberikan lebih kuasa kepada kerajaan British untuk meluaskan penguasaanya di Sarawak.
Mengapakah British berbuat demikian?

I Memelihara kestabilan
II Menguasai kekayaan ekonomi
III Menjaga kepentingan pelaburan British
IV Memastikan kedaulatan Sarawak
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

LIVEWORKSHEETS